Perkembangan Monetari dan Fiskal

DASAR MONETARI PADA TAHUN 2003

Pada tahun 2003, Bank Negara Malaysia mengekalkan dasar monetari yang akomodatif untuk menyokong pertumbuhan. Ini disebabkan penilaian pada awal tahun 2003 menunjukkan ekonomi beroperasi di bawah paras potensi. Dalam keadaan tekanan ke atas permintaan yang hampir tiada dan kapasiti berlebihan dalam kebanyakan sektor, inflasi dijangka kekal rendah pada tahun 2003 dengan jurang keluaran yang positif. Oleh itu, dasar monetari yang akomodatif memperkukuhkan dasar fiskal dan langkah-langkah lain yang bertujuan untuk merangsang aktiviti ekonomi dalam negeri. Inflasi yang rendah dan asas ekonomi yang lebih mantap memberikan fleksibiliti kepada Bank Negara Malaysia untuk mengekalkan teras dasar monetari yang akomodatif ini. Sepanjang tahun 2003, usaha juga diperhebatkan untuk meningkatkan akses pembiayaan kepada sektor swasta, terutamanya bagi perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Dasar monetari kekal akomodatif untuk menyokong pertumbuhan ekonomi dengan inflasi yang rendah dan stabil.

Rangka kerja monetari pada tahun 2003 terus beroperasi di bawah rejim kadar pertukaran tetap. Nilai ringgit kekal pada RM3.80=AS$1, penetapan yang dibuat semenjak September 1998. Pada tahun 2003, nilai ringgit masih hampir pada nilai yang berpatutan dan disokong sepenuhnya oleh asas ekonomi yang bertambah kukuh.

Pada tahun 2003, kadar dasar Bank Negara Malaysia, iaitu kadar campur tangan 3 bulan, telah diturunkan sekali pada 21 Mei. Dasar kadar faedah pada suku pertama ditentukan berdasarkan dua pertimbangan. Pertama, penurunan kadar faedah secara kumulatif sebanyak 600 mata asas semenjak tahun 1998 menyebabkan kadar faedah yang lebih rendah dan mudah tunai yang mencukupi. Keadaan mudah tunai dalam sistem perbankan meningkatkan daya saing di kalangan bank untuk menawarkan kadar pinjaman yang lebih rendah daripada kadar berian pinjaman asas yang disebut. Kadar pinjaman yang lebih rendah ini berkesan meningkatkan permintaan kredit. Dalam keadaan guna tenaga yang stabil dan pendapatan yang semakin bertambah, disokong oleh harga komoditi yang lebih tinggi serta prestasi yang memberangsangkan dalam beberapa sektor eksport terpilih, dasar monetari yang akomodatif memperteguhkan dasar fiskal bagi mengekalkan permintaan dalam negeri. Pertumbuhan permintaan dalam negeri dicerminkan oleh penunjuk agregat monetari dan pinjaman bank yang lebih baik pada suku pertama. Pinjaman yang lebih tinggi juga dapat dilihat dalam pinjaman yang disalurkan kepada peniaga kecil.

Kedua, pertimbangan penting yang diambil untuk mengekalkan kadar dasar pada suku pertama adalah bagi memastikan pulangan yang berpatutan kepada penabung. Dalam suasana mudah tunai yang mencukupi, usaha mengekalkan pulangan yang berpatutan kepada penabung tetap diberi pertimbangan yang utama. Pada tempoh ini, sentimen pengguna dan peniaga terjejas berikutan ketidakpastian akibat ketegangan sebelum perang Iraq dan ketidakpastian terus meningkat berikutan tersebarnya wabak Sindrom Pernafasan Akut yang Teruk (SARS) pada bulan April. Oleh itu, teras dasar monetari pada awal tahun 2003 bertujuan menyeimbangkan keperluan untuk menggalakkan penggunaan dan pelaburan di samping mengekalkan kadar pulangan benar yang berpatutan ke atas tabungan.

Walau bagaimanapun, menjelang pertengahan tahun 2003, perkembangan ekonomi serantau dan global menunjukkan risiko yang meningkat bagi prospek pertumbuhan. Penunjuk ekonomi dan kewangan mencerminkan pemulihan ekonomi global yang lebih perlahan daripada jangkaan. Pertumbuhan di Amerika Syarikat kekal jauh di bawah paras trend yang diperlihatkan pada separuh tahun pertama disebabkan pelaburan yang merosot. Pemulihan ekonomi global diramal lebih sederhana pada tahun 2003 berikutan kebimbangan terhadap deflasi dan ketidaktentuan yang berterusan dalam pasaran kewangan. Prospek ekonomi global yang terjejas dan kesan wabak SARS ke atas beberapa sektor menggugat permintaan dalam negeri dan meningkatkan risiko terhadap pemulihan ekonomi di Malaysia. Oleh itu, pada 21 Mei, Bank Negara Malaysia menurunkan

kadar dasar sebanyak 50 mata asas kepada 4.5% sebagai langkah awalan untuk mengurangkan kesan daripada perkembangan luar negeri yang lebih terjejas ke atas ekonomi negara.

Kesan wabak SARS ke atas pemulihan ekonomi dijangka hanya sementara. Kesannya tertumpu terutamanya pada subsektor dalam sektor perkhidmatan seperti pelancongan, pengangkutan dan perkhidmatan runcit. Bagi mengurangkan beban industri yang terjejas dan pekerja dalam sektor tersebut, langkah-langkah lain dilaksanakan termasuk memperkenalkan skim Kemudahan Jaminan Bantuan Khas berjumlah RM1 bilion serta bantuan khas bagi pembayaran semula pinjaman perumahan untuk pekerja-pekerja dalam sektor yang terbabit. Langkah-langkah khusus ini adalah sebahagian daripada pakej keseluruhan yang diperkenalkan pada 21 Mei bagi menangani kesan wabak SARS ke atas ekonomi seterusnya merangsang perubahan struktur. Langkah-langkah yang dilaksanakan termasuk menurunkan kadar faedah sebagai satu pakej yang menyeluruh untuk memberi kesan maksimum kepada pakej.

Langkah-langkah dasar yang diselaras menggalakkan dan memperkukuhkan pemulihan ekonomi pada separuh tahun kedua apabila momentum pertumbuhan global dan serantau mula meningkat. Beberapa perkembangan positif di luar negeri turut menyokong dasar dalam negeri. Ketidakpastian geopolitik yang semakin reda di Timur Tengah serta pemulihan kesan wabak SARS menyebabkan sentimen pengguna dan peniaga bertambah kukuh pada suku ketiga. Arah aliran yang memberangsangkan dicatat pada suku ketiga, dengan penunjuk memperlihatkan pertumbuhan ekonomi global yang semakin kukuh. Pertumbuhan di Amerika Syarikat pada suku ketiga melonjak jauh melebihi paras trend berikutan pemulihan dalam pelaburan serta peningkatan dalam inventori. Di dalam negeri,

Pernyataan Dasar Monetari

Satu perkembangan penting pada tahun ini adalah penerbitan Pernyataan Dasar Monetari (PDM) oleh Bank Negara Malaysia mengikut jadual yang telah ditetapkan. Pada 27 Ogos 2003, Bank Negara Malaysia menerbitkan PDM yang pertama, serentak dengan pengumuman data KDNK bagi suku kedua. PDM yang kedua diterbitkan semasa pengumuman data KDNK bagi suku ketiga pada 19 November 2003 dan data KDNK bagi suku keempat pada 25 Februari 2004.

PDM adalah pernyataan berpandangan ke hadapan yang menggariskan teras dasar monetari bagi jangka masa terdekat serta rasional dasar tersebut. Pernyataan ini adalah sebahagian daripada keseluruhan strategi yang bertujuan untuk meningkatkan pemahaman tentang objektif dan langkah-langkah dasar monetari memandangkan persekitaran yang lebih kompleks dan lebih dinamik. Ia juga membantu terutamanya dalam membuat jangkaan mengenai pertumbuhan dan inflasi. Penyampaian isyarat mengenai objektif dasar Bank Negara Malaysia menerusi komunikasi secara langsung bertujuan meningkatkan pemahaman dan penerimaan oleh peserta pasaran wang. Ini memudahkan penghantaran kadar dasar yang lebih cepat bagi mengubah kadar tawaran pinjaman dan kadar jangka panjang. Oleh itu, ia dapat meningkatkan kecekapan mekanisme penghantaran kewangan. PDM diterbitkan empat kali setahun dan diumumkan serentak dengan pengumuman prestasi KDNK Malaysia pada setiap suku tahun. Walau bagaimanapun, pernyataan akhbar tambahan akan dibuat jika terdapat perubahan ke atas dasar di antara tarikh yang ditetapkan.

Penerbitan PDM adalah sebahagian daripada proses yang berterusan untuk meningkatkan pemahaman pasaran berhubung penilaian Bank Negara Malaysia mengenai ekonomi dan kewangan, serta operasi dan objektif dasar. Semenjak tahun 1998, Bank Negara Malaysia telah menyalurkan rangkaian maklumat yang lebih luas, termasuk antaranya maklumat dalam talian mengenai unjuran harian mudah tunai dan operasi harian pasaran wang. Ini bertujuan untuk memastikan maklumat yang simetri kepada orang awam. Semenjak beberapa tahun yang lalu, terdapat peningkatan yang ketara mengenai liputan maklumat yang dibuat melalui laman web Bank Negara Malaysia dan juga pengurangan lat masa untuk menyiarkan data kepada orang awam.

kadar faedah yang lebih rendah dan keadaan sentimen yang bertambah baik, mendorong meningkatkan permintaan kredit. Permintaan pembiayaan yang sederhana pada bulan Mei disebabkan ketidaktentuan akibat wabak SARS, pulih dengan ketara semenjak bulan Jun. Penunjuk monetari bagi separuh tahun kedua juga meningkat pada kadar yang lebih pesat mencerminkan permintaan mudah tunai yang lebih tinggi. Secara keseluruhan, dasar monetari yang akomodatif memperkukuhkan dasar lain bagi menyumbang kepada pertumbuhan keluaran yang lebih tinggi. Secara keseluruhan, pertumbuhan KDNK benar meningkat dengan kukuh kepada 5.2% pada tahun 2003 dengan momentum pertumbuhan kekal mapan pada tahun 2004. Inflasi terus berada pada paras yang rendah sebanyak 1.2%, sementara inflasi teras, iaitu inflasi yang berpunca daripada tekanan permintaan, adalah lebih rendah sebanyak 0.6%.

PERKEMBANGAN MONETARI PADA TAHUN 2003

Pada tahun 2003, kadar faedah yang rendah, mudah tunai yang mencukupi dan sektor perbankan yang kukuh menyokong aktiviti ekonomi. Dana yang terdapat dalam sistem perbankan meningkat pada tahun tersebut, berikutan operasi fiskal yang mengembang dan kedudukan imbangan pembayaran yang lebih kukuh. Keadaan mudah tunai yang mencukupi terus menyebabkan harga pinjaman yang kompetitif bagi sektor terpilih.

Berikutan penurunan sebanyak 50 mata asas dalam kadar dasar pada bulan Mei, kadar berian pinjaman institusi perbankan terus menurun. Bank perdagangan menurunkan kadar berian pinjaman asas (BLR) sebanyak 39 mata asas. Memandangkan komponen pinjaman baru berkos rendah meningkat

Jadual 2.1
Kadar Faedah dan Mudah Tunai

	2000	2001	2002	2003	2003
	Pada akhir tempoh (%)				Perubahan (%)
Kadar Campur Tangan 3 bulan	5.5	5.0	5.0	4.5	-0.5
Kadar faedah antara bank					
Semalaman	2.77	2.76	2.71	2.72	0.01
1 bulan	3.05	2.97	2.99	2.99	0.00
Kadar berian pinjaman asas (BLR)					
Bank perdagangan	6.78	6.39	6.39	6.00	-0.39
Syarikat kewangan	7.95	7.45	7.45	6.90	-0.55
Kadar purata berian pinjaman (ALR)					
Bank perdagangan	7.46	6.67	6.50	6.11	-0.39
Syarikat kewangan	11.14	10.24	9.75	9.11	-0.64
Kadar deposit tetap					
Bank perdagangan					
3 bulan	3.48	3.21	3.20	3.00	-0.20
12 bulan	4.24	4.00	4.00	3.70	-0.30
Syarikat kewangan					
3 bulan	3.52	3.22	3.20	3.00	-0.20
12 bulan	4.27	4.01	4.00	3.68	-0.32
Kadar deposit tabungan					
Bank perdagangan	2.72	2.28	2.12	1.86	-0.26
Syarikat kewangan	3.44	2.94	2.65	2.18	-0.47
	Purata pada tempoh (%)				Perubahan (%)
Perbezaan kadar faedah nominal					
Malaysia - Amerika Syarikat	-3.32	-0.49	1.31	1.66	0.35
Malaysia - Singapura	0.73	1.31	2.23	2.27	0.04
	Pada akhir tempoh (RM bilion)				Perubahan (RM b)
Lebihan (+)/jurang (-) sumber[1]	73.7	67.4	76.2	105.8	29.6
Lebihan (+)/jurang (-) sumber terlaras[2]	36.1	20.8	24.6	45.8	21.2
	Pada akhir tempoh (%)				Perubahan (%)
Nisbah pinjaman-deposit	84.3	85.9	84.9	80.9	-4.0
Nisbah pembiayaan-deposit[3]	92.3	95.7	95.1	91.7	-3.4

[1] Deposit tolak pinjaman.
[2] Deposit tolak pinjaman dan pegangan sekuriti hutang swasta.
[3] Termasuk pegangan sekuriti hutang swasta.